

UMAT ISLAM

JANGAN

P. Dr. M. MM 9 NOV 1986

ASINGKAN DIRI

PPETALING JAYA 8
Nov. — Perdana
Menteri Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini menyeru umat Islam
supaya jangan meng-
asingkan diri dari peng-
anut - penganut agama
lain.

Beliau bertanya: "Bagaima-
nakah kita hendak membawa
perutusan Allah kepada mere-
ka jika kita tidak boleh lang-
sung berjumpa mereka?"

Perdana Menteri mengingat-
kan bahawa Nabi sendiri tidak

pernah mengasingkan mereka
yang menganut agama Islam
dengan mereka yang bukan peng-
anut Islam.

Baginda sendiri, katanya, menzia-
rahi orang - orang Yahudi dan meng-
hadiri pengkebumian mereka.

"Tapi kita telah memilih untuk ti-
dak menghiraukan sunnah Nabi. Kita
hanya bergaul sesama kita," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berucap
merasmikan Perhimpunan Agung RI-
SEAP yang ke-4 di Kompleks Tabung
Haji di Kelana Jaya pagi ini.

Beliau memberi amaran bahawa Is-
lam boleh disalahertikan di kalangan
bukan Islam jika umat Islam lebih
suka mengasingkan diri dan jarang
menyertai kegiatan - kegiatan antara
kaum yang bukan bercorak agama
kerana hendak mengurangkan hu-

bungan dengan orang lain.

Akibat gelagat ini, kata Perdana
Menteri, mereka menjadi antagonis-
tik dan timbullah pergeseran yang ti-
dak sepatutnya timbul antara umat
Islam dan bukan Islam kerana mereka
bimbang akan dipaksa untuk memel-
uk agama Islam.

Beliau mengajak umat Islam mem-
perteguhkan lagi keimanan mereka
supaya perhubungan dengan bukan
Islam boleh dieratkan tanpa menda-
tangkan kesan dan menghilangkan ra-
sa bimbang di kalangan bukan Islam
khususnya orang - orang Kristian.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin
dengan cara itu umat Islam di dunia
akan lebih bebas mempraktikkan aga-
ma yang mereka anuti tanpa halangan
seperti yang dihadapi oleh golongan
minoriti Islam.

Mengenai kebangkitan Islam, beliau menegaskan, ia tidak akan kekal lama tanpa wujudnya asas intelektual yang penuh dengan idea dan kajian dari Al-Quran dan sunnah.

Di samping itu, tegas Perdana Menteri, ijtihad mesti berjalan seiringan dengan jihad dalam perkara - perkara tertentu dan penekanan juga mesti diberikan terhadap semua aspek masyarakat selain dari perlunya diperbanyakkan tindakan untuk mencapai matlamat, yang dituju.

"Untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat Islam kini dan akan datang kita mesti sanggup meminjam pandangan - pandangan yang tidak bertentangan dengan akidah kita dan mengubahnya mengikut cabaran yang dihadapi.

Pedoman

"Quran dan sunnah Nabi akan memandu kita tetapi masalah - masalah yang dihadapi sekarang tidak boleh diselesaikan jika kita kembali ke zaman dulu," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, percubaan yang dilakukan oleh umat Islam yang hilang pedoman untuk kembali ke zaman lalu telah tidak berjaya menyelesaikan masalah moden masakini, di samping membahayakan mereka sendiri jika terpaksa menghadapi ancaman.

Perdana Menteri juga menyangkal hakikat bahawa kebangkitan Islam telah muncul sekarang kerana jika ini telah berlaku umat Islam akan berpengaruh di dunia yang moden ini."

Agama Islam juga, ujarnya, tidaklah agung seperti dulu kerana umat Islam telah mengeneipikan ajaran agama yang sebenarnya kerana bila kita diminta menjadi saudara kita bergaduh dan bila disuruh menuntut ilmu dibezakan pula antara ilmu - ilmu yang ada.